

HIBURAN

Jins belanja \$1.93j untuk singkap sejarah Pasir Salak

DATUK Jins Shamsudin dijangka mengeluarkan belanja M\$3.4 juta (\$1.93 juta) untuk menyiapkan filem sejarah *Pasir Salak — King Of The River*.

Datuk Jins berkata, biarpun peruntukan tersebut merupakan yang terbesar untuk sebuah filem Melayu, jumlahnya adalah jauh lebih kecil berbanding dengan filem-filem sejarah keluaran Barat.

“Setakat ini saya sudah membelanjakan sejumlah M\$1.5 juta untuk hal pengurusan, pentadbiran dan membeli peralatan yang diperlukan untuk penggambaran filem tersebut,” kata Datuk Jins kepada akhbar *Harian Metro*.

Ini termasuklah kos bagi membina kapal layar, bot, membuat senjata lama, pakaian pelakon dan menempah beberapa buah rumah serta bangunan masjid.


“Semua bahan tersebut disediakan bersesuaian dan menepati dengan keadaan pada zaman itu dan menyebab filem yang dirancang sejak 1991 ini hanya boleh dijalankan penggambarannya September ini.

“Saya menjangka penggambaran Pasir Salak akan selesai akhir tahun ini atau awal tahun depan, itu pun kalau tidak ada arai,” kata beliau.

Menurutnya, penggambaran fasa pertama filem tersebut akan bermula September ini.

Pada minggu lalu, Datuk Jins menerusi akhbar telah mengundang masyarakat Sikh untuk menjadi pelakon tambahan dalam satu adegan rusuhan.

Beliau memerlukan lebih 100 pelakon Sikh.



MENYUSUR SEJARAH: Kompleks sejarah Pasir Salak, tempat filem arahan Datuk Jins Shamsudin (kanan) yang pada awalnya dijadual dilancarkan di situ, memaparkan kisah sejarah di Pasir Salak.

Untuk melicinkan penggambaran, beliau telah membuka pejabat di beberapa lokasi penggambaran di Perak seperti Pasir Salak, Kuala Kangsar, Matang dan Taiping.

“Setiap pejabat akan dijaga oleh seorang pengurus dan beberapa kakitangan yang menguruskan hal-hal penerbitan,” ujarnya.

Perabukaan pejabat itu penting bagi memastikan segala urusan penggambaran filem sejarah tersebut berjalan lancar, termasuk bagi mendapatkan pelakon tambahan di kalangan para penduduk tempatan, katanya.

Latar Belakang

■ Pasir Salak terletak di Perak.

■ Merupakan negeri Melayu pertama yang berani menentang penjajahan Inggeris.

■ Residen British, J.W.W. Birch dibunuh di Pasir Salak oleh Datuk Maharaja Lela pada 1875.

■ Sebagai menuntut bela, tentera British membakar Kampung Pasir Salak.

■ Datuk Maharaja Lela kemudian dihukum gantung.

